

22 JULAI 2023



Photo by UKK@KKDW

## KUD, KUOA sedia gegar Sungai Besar

Sungai Besar: Pelbagai program menarik diatur Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sempena penganjuran Mini Karnival Usahawan Desa (KUD) dan Karnival Usahawan Orang Asli (KUOA) di Stadium Sungai Besar, di sini yang bermula semalam sehingga Ahad ini.

Lima agensi di bawah KKDW iaitu Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), FELCRA Berhad dan Jabatan

Kemajuan Orang Asli (JAKOA) selain pembabitan dari Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (UD) serta Pejabat KKDW Negeri Selangor bergabung menjayakannya.

Program ini turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada Pejabat Belia dan Sukan Daerah Sabak Bernam selaku rakan strategik khususnya dalam perancangan serta pelaksanaan aktiviti tarikan pengunjung seperti Fun Run, Pertandingan Liga Penalti dan Senamrobik.

Tinjauan Harian Metro mendapati pemamer teruja dan pengunjung ceria dengan pelbagai program diatur oleh pihak pengajur.

Pemamer, Roas Noah Zachery, 19, berkata, pada mulanya beliau gementar bercerita kepada pengunjung yang hadir mengenai sejarah Orang Asli namun perasaan itu hilang apabila semangat untuk mempromosikan budaya masyarakat Orang Asli melebihi segalanya.

"Saya seronok sebab boleh cerita yang kami masih lagi wujud di Malaysia. Sebab saya sendiri berasal dari suku kaum Semai.

"Pada masa sama, terbit rasa bangga kerana orang di luar sana boleh melihat Orang Asli masih lagi mengekalkan budaya dari segi bahasa, pakaian dan sebagainya," katanya ketika ditemui.

Bagi Fahdlan Syah Md Amin, 46, yang berasal dari Pontian, Johor, program berkenaan bagus dan perlu kerap diadakan untuk menarik lebih ramai pengunjung.

"Saya mewakili bapa untuk menjadi pemamer selama tiga hari. Pelbagai produk seperti sarung parang, pisau melapah, pedang dan kraftangan dijual di gerai kami," katanya.

Sementara itu, pengunjung, Mohd Bohari Zainal Abidin, 50, berkata, beliau mengetahui mini karnival itu melalui banner dan bunting yang dipasang di sekitar daerah Sabak Bernam.

"Pendapat saya, program ini berjaya menarik minat masyarakat luar bandar untuk hadir.

"Diharapkan pihak pengajur mengadakan lagi pada setiap tahun," katanya.

Kemuncak program ini akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada jam 11 pagi esok dan dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.